

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

RMT 556 - Pengurusan Projek 5

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (a) "Tugas utama pengurusan projek ialah untuk menggunakan sistem-sistem maklumat dan keputusan dengan matlamat untuk mencapai "equilibrium" yang dinamik di antara sistem-sistem projek dan persekitaran".

Bincangkan ulasan di atas dengan kaitan terhadap sistem pengurusan maklumat.

- (b) Bincangkan bagaimana "robotics" dan "automation" boleh meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti di tapak binaan.

(25 markah)

2. (a) Jelaskan kefahaman anda tentang matlamat-matlamat dan kaedah-kaedah yang terdapat di tahap 'briefing' untuk projek-projek binaan yang besar.

- (b) Apakah peranan-peranan serta kaitan pihak-pihak yang memberi sumbangsih terhadap proses di tahap ini.

- (c) Apakah kelebihan-kelebihan yang mungkin timbul akibat peningkatan di tahap awal ini.

(25 markah)

3. (a) "Di dalam projek binaan terdapat banyak faktor-faktor luaran yang boleh mempengaruhi proses membuat keputusan yang berkemungkinan besar akan memberi kesan terhadap kos dan jangkamasa sesuatu projek itu".

Bincangkan peranan pengurus projek di dalam membuat keputusan dan dengan jelas terangkan tentang mustahaknya membuat keputusan secara berkesan dan cepat di dalam konteks pengurusan rekabentuk.

- (b) "Satu daripada faktor kejayaan kritikal untuk projek binaan telah dikenalpasti sebagai pasukan projek dan keberkesanannya".

Dengan ringkas, bincangkan ulasan di atas dan terangkan dengan jelas bagaimana seseorang pengurus projek boleh mempertingkatkan lagi keberkesanannya.

(25 markah)

...2/-

4. (a) Berikan sebab-sebab tentang bertambahnya projek-projek berbentuk usahasama (joint-ventures).
- (b) Apakah faktor-faktor yang mungkin dapat meningkatkan haluan usaha-usaha tersebut dan pengurusan projek-projek usahasama.

(25 markah)

5. (a) "Peranan tradisional pihak Arkitek sebagai ketua pasukan rekabentuk agak tergugat dengan wujudnya Pengurusan Projek".

Bincangkan ungkapan di atas dengan kaitan terhadap peranan Pengurus Projek sebagai ketua pasukan perunding binaan, ciri-ciri yang harus ada pada beliau dan dengan jelas lakarkan suatu struktur pasukan projek yang menunjukkan senario ini.

- (b) Dengan ringkas, bincangkan tentang prinsip-prinsip kawalan dan organisasi projek untuk suatu projek perindustrian yang besar.

(25 markah)

6. (a) Apakah matlamat 'tender' dari sudut pihak klien dan kontraktor.
- (b) Jelaskan sebab-sebab tentang kekurang-puasan dengan prosedur tender tradisional.
- (c) Sarankan bagaimana ianya boleh ditingkatkan serta kaedah-kaedah alternatif.

(25 markah)

ooooOooo